
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

SAW203 – Teori Tingkahlaku Manusia dan Masyarakat

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Soalan Wajib

1. Olahkan suatu teori masyarakat anda sendiri dan kaitkannya dengan contoh-contoh dalam masyarakat Malaysia. Kenalpastikan juga kekuatan-kekuatan teori masyarakat anda .

(40 markah)

Jawab **DUA** (2) soalan

2. “Rusuhan yang berlaku dalam tayangan video The Practice berpunca daripada konflik kelas”. Bentangkan hujah-hujah Marx untuk menyokong kenyataan ini. Berikan juga kritikan Weber terhadap hujah-hujah Marx yang anda bentangkan. Akhirnya, kemukakan rumusan anda sendiri.

(30 markah)

3. Pada pendapat anda, adakah tahap integrasi sosial dalam masyarakat Malaysia semakin meningkat atau menurun? Hujahkan pendapat anda dengan menggunakan analisis perbandingan di antara perspektif Marx dan perspektif Durkheim. Kaitkan perbincangan anda dengan keadaan di Malaysia.

(30 markah)

...2/-

4. Adakah pembentukan masyarakat Malaysia lebih bermirip kepada materialisme sejarah Marx atau perumpamaan organisme Durkheim? Aplikasikan konsep-konsep lain yang berkaitan danuraikan perbincangan anda dalam konteks masyarakat Malaysia dengan mengambilira perkembangan komponen-komponen dan institusi-institusi masyarakat yang berkenaan.

(30 markah)

5. Bandingkan perspektif-perspektif epistemologi dan ontologi Marx, Weber, dan Durkheim serta bentangkan sintesis anda sendiri tentang pendekatan yang paling berkesan dalam menganalisis masyarakat Malaysia.

(30 markah)

- ooo 0 ooo -